

## STANDARD MINIMUM KEBERTANGGUNGJAWABAN UNTUK LEMBU DAGING

Standard Minimum Kebertanggungjawaban untuk Lembu Daging seperti yang dilampirkan merangkumi keperluan kebajikan utama khusus kepada lembu yang ditenak untuk dagingnya. Prinsip Standard Minimum Kebertanggungjawaban hendaklah dibaca bersama dengan Standard Minimum Kebertanggungjawaban untuk Lembu Daging kerana Prinsip tersebut memperincikan secara menyeluruh keperluan yang terpakai kepada semua ternakan ladang.

### *Tentang Inisiatif FARMS dan Standard Minimum Kebertanggungjawaban*

*Matlamat Inisiatif Standard Minimum Kebertanggungjawaban Haiwan Ternakan (FARMS) adalah supaya institusi kewangan menggalakkan dan menyokong pengeluaran daging, susu dan telur, dan syarikat-syarikat lain dalam rantaian bekalan bagi memenuhi Standard Minimum Kebertanggungjawaban yang berkaitan dengan cara penjagaan, pemindahan dan sembelihan haiwan ternakan. Inisiatif FARMS diasaskan oleh sebuah organisasi perlindungan haiwan sedunia. Standard Minimum Kebertanggungjawaban berasaskan prinsip-prinsip sejumlah rangka kerja sedunia dan mencerminkan input daripada pelbagai organisasi perlindungan haiwan dan organisasi pensijilan kebajikan haiwan.*

## STANDARD MINIMUM KEBERTANGGUNGJAWABAN UNTUK LEMBU DAGING

Risiko Kebajikan 1: Keterbatasan Ruang

Standard Pengurangan 1:

- 1.1 Sistem pengurangan dalam kawasan yang kekal tidak boleh digunakan.

Risiko Kebajikan 2: Persekitaran Tandus dan Tidak Sesuai

Standard Pengurangan 2:

- 2.1 Lot makanan tidak boleh digunakan.
- 2.2 Lembu mestilah dibiarkan berada di kawasan luar berumput semasa musim rumput panjang kecuali dalam keadaan cuaca seperti panas melampau atau hujan lebat yang menyebabkan tanah berlumpur yang boleh menjejaskan kebajikan.
- 2.3 Perlindungan daripada unsur-unsur ini mestilah diberikan dalam bentuk perlindungan semulajadi (pokok) atau teduhan buatan apabila lembu berada di luar semasa musim meragut rumput.

Risiko Kebajikan 3: Diet Yang Tidak Sesuai

Standard Pengurangan 3:

- 3.1 Lembu daging tidak boleh diberikan biji-bijian dengan kuantiti yang banyak kerana ini akan menjejaskan kesihatan dan kebajikan lembu.
- 3.2 Jika hendak memberikan biji-bijian kepada lembu, mestilah diperkenalkan secara perlahan-lahan dan tidak boleh sama sekali melebihi maksimum 40% diet harian.

Risiko Kebajikan 4: Tatacara Menyakitkan

Standard Pengurangan 4:

- 4.1 Penyelaran muka, penyelaran dengan besi panas atau pemotongan ekor adalah tidak dibenarkan

- 4.2 Pemilihan lembu dogol (lembu tak bertanduk) sememangnya lebih baik daripada mematikan pertumbuhan tanduk.
- 4.3 Pemo tongan tanduk adalah tidak dibenarkan.
- 4.4 Anestesia dan analgesia yang berpanjangan mestilah selalu digunakan ketika membuang tanduk, iaitu mestilah dilakukan pada awal usia (pada usia tiga minggu).
- 4.5 Jika ingin melakukan pengasian, pelaksanaannya mestilah dibuat pada awal usia (tidak lebih daripada dua bulan) dengan memberikan pelega kesakitan analgesia dan anestesia.

Risiko Kebajikan 5: Pembiakan dan Genetik Standard Pengurangan 5:

- 5.1 Pembiakan untuk menggandakan otot adalah tidak dibenarkan.

Risiko Kebajikan 6: Pengangkutan

Standard Pengurangan 6:

- 6.1 Masa pengangkutan jalan darat mestilah dihadkan kepada maksimum 8 jam.
- 6.2 Pengangkutan lembu melalui laut mestilah disertai oleh doktor haiwan dan hendaklah tiba ke destinasi dalam tempoh 24 jam.
- 6.3 Lembu mestilah sihat untuk perjalanan tersebut.
- 6.4 Lembu yang tidak dapat berjalan tidak boleh diangkut sama sekali melainkan dibawa berjumpa doktor haiwan untuk rawatan.
- 6.5 Lembu yang tidak dapat berjalan tidak boleh diheret dengan anggota badan, kepala atau ekornya sama sekali, dan hanya boleh digerakkan sekiranya ditarik dengan pengangkutan yang dibina untuk tujuan menarik seperti kereta geluncur.
- 6.6 Kaedah pengendalian tekanan rendah mestilah digunakan tetapi penjuah elektrik tidak dibenarkan.

Risiko Kebajikan 7: Penyembelihan

Standard Pengurangan 7:

- 7.1 Kemudahan untuk mengendalikan dan menyekat lembu mestilah mengambil kira saiz dan umur haiwan tersebut. Kemudian, kemudahan mestilah dirancang, dibina dan diselenggarakan untuk meminimumkan tekanan dan risiko kecederaan.
- 7.2 Lembu mestilah direnjat sebelum penyembelihan dengan menggunakan kaedah yang tidak menyeksakan. Kaedah ini mengakibatkan haiwan terus pengsan sehingga ke mati.
- 7.3 Tidak boleh melumpuhkan secara elektrik, menghumban atau memutarakan lembu.

Risiko Kebajikan 8: Pematuhan dan Ketelusan

Standard Pengurangan 8:

- 8.1 Menunjukkan pematuhan terhadap standard di atas melalui pengauditan pihak ketiga secara tahunan dan pelaporan awam tahunan tentang perkembangan terhadap komitmen ini.